



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Sinar Harian
Date	5/3/2011

# 2015 lengkap wifi

## Selangor 100 peratus lengkap akses Internet: Rodziah

**SHAH ALAM** - Semua kawasan di seluruh negeri Selangor bakal dilengkapi dengan kemudahan wifi menjelang 2015 bagi memudahkan orang ramai mendapat akses Internet.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail berkata, projek pemasangan wifi telah dimulakan sejak 2008 yang dilakukan secara berperingkat dan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak.

"Kita sasarkan pemasangan itu dilakukan sekurang-kurangnya 20 kawasan setiap tahun sehingga ia mencapai sasaran.

"Menjelang 2009, kita manapkan lagi projek ini dengan memperkenalkan sistem berkembar iaitu pemasangan dilakukan secara serentak iaitu di kawasan

bandar dan luar bandar? katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, projek berkembar diperkenalkan untuk merapatkan jurang perkhidmatan wifi antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Kesukaran mendapatkan akses di kawasan luar bandar menyebabkan kita memilih konsep setara dengan tidak hanya menumpukan pembangunan dan kemudahan di kawasan bandar semata-mata," katanya.

Rodziah berkata, pada 2011 pula, projek wifi dikembangkan dengan memperkenalkan sistem paparan media luar atau outdoor display media (ODM) yang mempunyai banyak kelebihan.

"Teknologi itu memberikan perkhidmatan Internet, paparan hablur cecair (LCD), pembesar suara (speaker) dan kamera li-

tar tertutup (CCTV). Kelebihan itu dapat membantu pihak polis melakukan siasatan jenayah atau kemalangan yang berlaku.

"Petaling Jaya telah diberikan kelebihan menjadi perintis projek berkenaan. Ia dijangka siap pada tahun 2015.

Beliau turut mengulas berkaitan dakwaan seluruh restoran diwajibkan menyediakan perkhidmatan wifi secara percuma kepada pengguna.

"Kita tidak memaksa tetapi menggalakkannya bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung yang hadir.

"Perkhidmatan dapat membantu pelanggan mengadakan perbincangan atau membuat kerja sambil menjamu selera. Kelebihan itu tentunya dapat menarik minat pelanggan untuk kerap mengunjunginya," katanya.